



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM / JKPTG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pembalakan lesen sah

Tumpat: "Kalau ingin mengaitkan kejadian itu (banjir di Chuchoh Puteri, Kuala Krai) dengan aktiviti pembalakan, itu tidak betul kerana ia dijalankan secara berperingkat dan mengikut kaedah ditetapkan," tegas Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Katanya, kegiatan pembalakan dijalankan di luar kawasan Sungai Rek secara sah dan berlesen.

"Bila kita minta penjelasan daripada Pejabat Perhutanan, memang benar berlaku (pembalakan), tapi di luar kawasan Sungai Rek dan dilakukan secara lesen," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Berkhatan Perdana Dewan Undangan Negeri (Dun) Pasir Pekan di sini, semalam.

Seramai 120 kanak-kanak dari Dun itu mendaftarkan diri untuk program berkhatan yang dijadikan acara tahunan itu.

Ahmad berkata, pihaknya sudah mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Perhutanan Negeri membuat semakan terperinci berhubung aktiviti penerokaan haram di kawasan berkenaan.

Katanya, tindakan segera akan diambil sekiranya benar aktiviti penerokaan haram berlaku.

"Saya arahkan pihak berwajib menyiasat dan jika ada (penerokaan haram), itu tidak sepatutnya berlaku," katanya.